

10 MAR, 2026

100 wira pastikan tiada perut kosong

Harian Metro, Malaysia



Oleh Muhamad Lokman Khairi
 lokman@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Di sebalik kemeriahan 'lautan' jemaah yang mencecah 4,000 orang setiap hari di Masjid Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Bangsar di sini terdapat 100 'wira tak didendang' yang bekerja secara sukarela bagi memastikan setiap perut terisi tanpa perlu beratur panjang.

Ketua Unit Hal Ehwal Islam, Jabatan People Care, Group People Division TNB, Mohamad Nor Azali Lajin berkata, sukarelawan yang bertugas terdiri daripada dua kumpulan iaitu sukarelawan tetap dan sukarelawan daripada penaja yang menyumbang hidangan berbuka puasa.

Menurutnya, seramai 20 hingga 30 sukarelawan tetap bertugas setiap hari, manakala baki sukarelawan biasanya terdiri daripada kakitangan jabatan TNB yang menjadi penaja hidangan pada hari berkenaan.

"Jika digabungkan, secara purata sekitar 100 orang membantu setiap petang bagi memastikan pengurusan jemaah berjalan lancar.

"Pada hujung minggu pula, sebahagian besar sukarelawan adalah pelajar tajaan TNB di bawah Yayasan Tenaga Nasional, kebanyakannya penuntut universiti yang datang membantu secara bergilir," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Masjid berkenaan sebelum ini dilaporkan menarik perhatian umat Islam sekitar Lembah Klang untuk berbuka puasa bersama keluarga dan rakan sehingga merekodkan 4,000 jemaah setiap hari sehingga tular di media sosial.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagi memastikan agihan makanan kepada ribuan jemaah berjalan lancar tanpa berlaku kekecohan atau perebutan, pihak masjid menggunakan konsep hidangan berbungkus yang diagihkan terus kepada jemaah di tempat duduk masing-masing.

Katanya, setiap pek makanan mengandungi nasi bersama dua atau tiga jenis lauk, sayur, kuih, buah serta kurma bagi memastikan hidangan yang lengkap untuk berbuka puasa.

"Pek makanan dan air mineral akan tiba sekitar jam 4 hingga 4.30 petang dan disusun di kawasan iftar yang ditetapkan.

"Apabila jemaah datang,



ANTARA sukarelawan yang membantu pengunjung untuk mendapatkan tempat ketika majlis berbuka puasa di Masjid TNB, Bangsar. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

100 wira pastikan tiada perut kosong

Sukarelawan bersemangat bantu permudah berbuka puasa sebanyak 4,000 jemaah di Masjid TNB di Bangsar setiap hari



Apabila jemaah datang, sukarelawan akan terus membantu pergerakan pengunjung untuk duduk di tempat yang disediakan"

Mohamad Nor Azali



ORANG ramai berbuka puasa di Masjid TNB, Bangsar.

sukarelawan akan terus membantu pergerakan pengunjung untuk duduk di tempat yang disediakan.

"Ini bermakna pengunjung tidak perlu beratur dan memudahkan jemaah berbuka dengan tenang," katanya.

Mohamad Nor Azali berkata, tahun sebelum ini pi-

hak masjid pernah menggunakan konsep bufet, namun kaedah itu mengambil masa dan sukar dikawal apabila jumlah jemaah meningkat.

"Bagaimanapun kita pati jemaah yang datang lewat terpaksa beratur pan-

jang sehingga menimbulkan keadaan kurang teratur.

"Jadi tahun ini, kita buat keputusan untuk menyediakan sepenuhnya hidangan berbungkus dan sejak ini ia berjalan dengan baik," katanya.

Menurutnya, walaupun pihak masjid membuat anggaran sekitar 4,000 jemaah setiap hari, mereka tetap bersedia menerima jumlah yang lebih besar.

"Malah pernah satu hari jumlah jemaah mencecah kira-kira 6,500 orang.

"Jika pek makanan iftar sudah habis diagihkan, kita akan keluarkan hidangan lebih yang biasanya disediakan sekitar 2,000 pek lagi.

"Vendor juga akan dihubungi untuk menyediakan tambahan makanan supaya selepas solat tara-

wih sekitar jam 9.30 malam, hidangan lebih masih ada untuk jemaah," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan pemerhatian pengurusan, kebanyakan jemaah yang hadir adalah kakitangan TNB serta pelajar institusi berhampiran seperti Universiti Malaya dan Institut Pendidikan Guru, selain keluarga serta pekerja profesional yang bekerja di sekitar Kuala Lumpur.

Katanya, antara cabaran utama petugas masjid adalah memastikan makanan tiba tepat pada waktunya serta mencukupi untuk semua jemaah yang hadir.

"Kita pegang prinsip setiap orang yang datang mesti ada makanan dan ada tempat untuk berbuka puasa. Itu yang paling penting. "Kadang-kadang ada juga situasi lucu seperti kanak-kanak terpisah daripada ibu bapa atau suami yang tak jumpa isteri selepas solat Tarawih, tetapi kita bantu dan itu menjadi kenangan manis buat petugas setiap kali Ramadan," katanya.